



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; ANTARA TOLERANSI ISLAM DAN KEKELIRUAN AKIDAH



ISLAMIC SAVOUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“ANTARA TOLERANSI DAN KEKELIRUAN AKIDAH”.1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ.¹	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “ANTARA TOLERANSI ISLAM DAN KEKELIRUAN AKIDAH”.	6

¹ Al- Mumtahanah :8.



Islam sememangnya agama yang toleran dan menanamkan sifat toleransi pada umatnya. Umat Islam diperintahkan supaya berlaku adil, berbuat baik dan menghormati hak setiap orang tanpa mengira agama dan bangsa. Firman Allah SWT dalam Surah al-Mumtahanah ayat 8, yang telah dibacakan di awal khutbah bermaksud: <i>“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama (kamu) dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.”</i>	7
Sejarah Rasulullah SAW di Madinah juga membuktikan bahawa masyarakat berbilang agama boleh hidup dalam suasana harmoni di bawah keadilan Islam.	8
Alangkah indahnyanya sekiranya toleransi ini dipandu oleh ajaran agama dan diikat dengan garis panduan Islam yang syumul. Namun, ia menjadi semakin membimbangkan apabila nilai toleransi yang dituntut oleh Islam ini disalahgunakan oleh sesetengah pihak untuk mempromosi ideologi tertentu seperti liberalisme dan pluralisme agama, sehingga mencetuskan kekeliruan terhadap akidah umat Islam di Malaysia. Akhbar Harian Metro pada Mei lalu melaporkan satu hasil kajian yang menunjukkan tahap kebimbangan yang tinggi dalam kalangan umat Islam, berkaitan pengaruh fahaman liberalisme dan pluralisme yang dilihat berpotensi menjejaskan akidah dan institusi agama Islam.	9



“Liberalisme” adalah suatu fenomena global yang meletakkan kebebasan individu sebagai nilai tertinggi dalam kehidupan sehingga segala perkara diukur berdasarkan kehendak dan pilihan peribadi. Akibatnya, ajaran agama tidak lagi menjadi panduan utama dalam menentukan sesuatu perkara, bahkan ada yang sanggup mengetepikan hukum-hakam agama atas nama kebebasan dan hak individu.	10
Hal ini pada akhirnya melahirkan generasi Islam yang memperjuangkan kebebasan sehingga menggadaikan agama sendiri. Contoh yang paling mudah dapat dilihat apabila etika pemakaian menutup aurat yang ditekankan oleh Islam dikatakan sebagai paksaan, kerana tafsiran akal yang meleset untuk memahami maksud “tiada paksaan dalam agama”, merujuk kepada firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 256. Salah faham ini kemudiannya merebak atas nama toleransi, lalu mendakwa bahawa manusia bebas untuk berpakaian walaupun dengan mendedahkan aurat, kerana keimanan itu tidak dinilai pada sisi luaran semata-mata menurut mereka.	11
Walhal, jika kita memahami tafsiran para ulama, ini bukanlah maksud sebenar dari ayat suci al-Quran tersebut. Sebaliknya, ia perlu difahami dengan konteks ayat yang tepat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 256: لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۚ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ “Tidak ada paksaan untuk memeluk agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenarannya daripada kesesatan.”	12



Imam Ibnu Kathir menjelaskan bahawa Islam ialah agama yang jelas lagi nyata bukti kebenarannya sehingga tidak perlu untuk memaksa penganut agama lain untuk memeluk Islam.	13
Rentetan dari pemikiran dalam Islam yang tidak dibendung ini pada akhirnya melahirkan ideologi “Pluralisme Agama.” Masyarakat menyangka istilah ini sinonim dengan Pluraliti, iaitu fakta yang menunjukkan wujudnya kepelbagaian dan berbilang agama di Malaysia ini seperti Islam, Kristian, Hindu dan Buddha. Hakikatnya, pendukung ideologi Pluralisme ini bukan dalam mengiktiraf kepelbagaian agama, bahkan mendakwa bahawa semua agama itu dalam sama dan mengajak dalam kebenaran. Apakah kesannya? Keyakinan akidah seseorang menjadi lumpuh sehingga boleh membawa kepada murtad atas dakwaan semua agama dalam sama, sedangkan Islam dalam satu-satunya agama yang benar dan diterima oleh Allah SWT.	14
Firman Allah SWT dalam Surah Ali ‘Imran ayat 19: إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ “Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam.”	15
Ayat ini menjelaskan bahawa tiada satupun agama yang diterima oleh Allah SWT melainkan agama Islam. Islam adalah agama yang mengikuti setiap ajaran Nabi Muhammad SAW yang telah diwahyukan oleh Allah SWT. Maka sesiapa yang mengiktiraf agama lain adalah sama dan setara dengan agama Islam, maka dia telah melakukan bidaah yang tercela.	16



Hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah <i>Radiallahuanha</i> , sabda Nabi SAW:	17
مَنْ أَخَذَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ	
“Sesiapa yang mengadakan sesuatu perkara yang baharu dalam urusan agama (bidaah) yang tiada padanya (asal dalam agama Islam) maka ia tertolak (batil).”	18
Dalam mempertahankan kesucian akidah umat Islam pada hari ini, Majlis Agama Islam Selangor kekal berpegang teguh dengan Fatwa Selangor yang diwartakan pada tahun 2014, bahawa pemikiran liberalisme dan pluralisme agama adalah bercanggah dan menyeleweng daripada ajaran Islam. Malah, Mahkamah Persekutuan pada 19 Jun 2025 telah mengekalkan keabsahan fatwa tersebut terhadap individu yang berpegang kepada fahaman berkenaan.	19
Ketetapan fatwa ini bukanlah bertujuan untuk menyekat kebebasan berfikir, sebaliknya ia berperanan penting dalam memelihara kesucian akidah kita daripada dicemari oleh fahaman yang mengelirukan. Pemikiran liberalisme yang menuntut hak kebebasan melampaui batasan syarak, serta pluralisme yang menyamaratakan semua agama, hakikatnya adalah racun halus yang boleh meruntuhkan pasak keimanan.	20



Inilah sebab mengapa pentingnya kita menekuni firman Allah SWT dalam Surah al-Jathiyah ayat 18 yang bermaksud:

“Kemudian Kami jadikan kamu (wahai Muhammad) mengikuti syariat (yang lengkap) daripada hukum-hakam agama. Maka ikutilah (syariat itu) dan janganlah kamu menuruti keinginan hawa nafsu orang yang tidak mengetahui (perkara yang benar).”

21

Ingatlah juga bahawa toleransi beragama di Malaysia adalah meraikan kepelbagaian kaum dan menghormati hak penganut lain, bukannya menggadaikan prinsip akidah kita dengan menganggap semua agama adalah benar. Islam membenarkan umatnya untuk bergaul mesra dengan penganut agama lain, namun melarang kita untuk menganggap semua agama adalah sama, hanya untuk menjaga hati penganut agama lain.

22

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian kita:

1. Umat Islam mestilah merujuk kepada al-Quran, al-Sunnah dan panduan daripada para ulama dalam memahami agama agar tidak terkeliru dan terpengaruh dengan dakyah liberalisme dan pluralisme.

2. Umat Islam mestilah meyakini bahawa Islam adalah satu-satunya agama yang diterima dan diredhai oleh Allah SWT.

3. Umat Islam hendaklah mempunyai sikap toleransi dengan meraikan kepelbagaian kaum dan agama tanpa perlu menggadaikan prinsip akidah Islam.

23



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ
أَنْتَ الْوَهَّابُ.

24

(Mereka berdoa dengan berkata), “Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau memberikan petunjuk kepada kami dan kurniakanlah limpah rahmat dari sisi-Mu kepada kami. Sesungguhnya Engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-Nya.”

25

(Surah Ali ‘Imran: 8).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

26

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

27



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. ²
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
7	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَاجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

² Al-Ahzab: 56.



اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.	8
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،	10
وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْثُ كُوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.	11
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..	13



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.³	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19